

Kenyataan IYafa Asia

Bengkel Asia: IYafa 2022 – Meraikan Perikanan Berskala Kecil Mampan dan Saksama

8 Mei 2022, Bangkok

Sebagai wakil persatuan pekerja perikanan berskala kecil, koperasi, kesatuan sekerja, pertubuhan masyarakat, dan pertubuhan bukan kerajaan dari sebelas negara Selatan dan Asia Tenggara¹ yang menyumbang hampir 30% daripada pengeluaran tangkapan perikanan global (laut dan pedalaman) dan hampir 45% daripada populasi nelayan dunia, kami;

Setelah bertemu di Bangkok, tertakluk kepada semua protokol COVID-19, semasa Tahun Antarabangsa Perikanan Artisanal dan Akuakultur (IYafa), seperti yang diisytiharkan melalui Resolusi Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu 72/72, menghargai penekanannya terhadap penyertaan pemegang taruh perikanan berskala kecil dalam pembangunan dasar dan strategi pengurusan perikanan dan Garis Panduan Sukarela Untuk Menjamin Perikanan Berskala Kecil Yang Mampan Dalam Konteks Keselamatan Makanan dan Pembasmian Kemiskinan (Garis Panduan SSF);

Menegakkan prinsip kerjasama serantau dan antarabangsa serta kerjasama antara semua bentuk perkerja perikanan berskala kecil dan organisasi sokongan, termasuk perundingan dan penyertaan dalam semua aktiviti pembangunan yang memberi kesan kepada tanah atau kawasan perikanan yang berkepentingan kepada komuniti nelayan berskala kecil;

Meraikan pengetahuan dan kemahiran nelayan berskala kecil marin (laut) dan darat serta pekerja perikanan;

Menyedari keterkaitan berterusan di antara perikanan berskala kecil, marin dan perikanan darat, dalam konteks keselamatan makanan dan nutrisi, pembasmian kemiskinan dan warisan budaya;

Menyedari peranan penting yang dimainkan oleh wanita dalam pembangunan inklusif perikanan berskala kecil;

Bimbang tentang kehilangan hak pegangan tradisional/ adat masyarakat kecil dan Orang Asal terhadap perikanan darat dan tanah untuk hidup, mengendalikan peralatan menangkap ikan, dan memproses dan memasarkan ikan (terutama untuk wanita), termasuk pengeringan ikan. Kerugian tersebut berlaku akibat daripada: penambakan/ penukaran untuk aktiviti berkaitan pelancongan; zon ekonomi khas;projek hartanah; laluan air yang boleh dilayari; akuakultur di pesisir pantai, ladang angin dan loji janakuasa; pembangunan infrastruktur, termasuk pelabuhan; penempatan semula keluarga nelayan; dan pemiskinan nelayan melalui upah buruh atau buruh kontrak dalam ladang ikan dan bentuk peminggiran lain;

Kebimbangan selanjutnya tentang kesan buruk kenaikan paras air laut, perubahan iklim, keadaan cuaca melampau dan wabak;

¹ Bangladesh, Cambodia, Myanmar, India, Indonesia, Malaysia, Pakistan, Philippines, Sri Lanka, Thailand dan Vietnam.

Sedar tentang cara pemuliharaan dan penggunaan mampan sumber hidupan akuatik dan komponen ekosistem marin, pantai dan daratan adalah asas untuk menikmati semua bentuk hak pegangan; dan bagaimana hak pegangan boleh melindungi akses bagi wanita dan lelaki kepada sumber mereka dan pasaran (SDG 14b);

Mengambil maklum tentang wanita yang menghadapi pelbagai cabaran di seluruh rantau Asia; sebahagian daripada cabaran ini adalah mengikut konteks negara yang berbeza, malah diakui bahawa terdapat banyak cabaran yang sama. Wanita sering menghadapi beban empat kali ganda - cuba mengimbangi tanggungjawab rumah tangga (menjaga keluarga dan anak-anak mereka); melibatkan diri dalam aktiviti rantaian perikanan; mengambil bahagian dalam organisasi masyarakat dan mobilisasi; dan menangani pelbagai bentuk diskriminasi; dan

Kebimbangan berikutnya adalah mengenai pelbagai kesan daripada COVID-19, sekatan berterusan dan krisis ekonomi kepada komuniti nelayan, serta keperluan untuk menggalakkan pembangunan sosial dan menyediakan skim perlindungan sosial yang berkesan kepada semua yang terlibat dalam rantaian perikanan;

Gesaan kepada kerajaan-kerajaan negara Asia, pihak swasta, pertubuhan masyarakat sivil, dan masyarakat antarabangsa untuk:

Menangani ancaman daripada pembinaan empangan di hulu sungai kepada sungai-sungai di dalam negara dan merentas sempadan yang mengurangkan pengaliran air dan juga kehadiran ikan di hilir sungai yang merupakan kawasan tangkapan untuk nelayan berskala kecil; dalam konteks ini, sediakan pampasan yang mencukupi kepada nelayan berskala kecil untuk sebarang kerugian yang di alami akibat kemerosotan ekosistem;

Mengamalkan pengurusan air yang adil dan saksama bagi membolehkan nelayan dan pekerja ikan berskala kecil menangkap ikan sebagai sumber mata pencarian sepanjang tahun, dengan mengambil kira tentang kepelbagaian penggunaan sumber air tawar;

Memperuntukkan dan meningkatkan kesedaran tentang hak ke atas tanah dan kawasan perikanan, dan seterusnya memperkukuh keupayaan masyarakat tempatan, termasuk wanita, untuk menikmati hak-hak ini dalam tanpa halangan, terutamanya dalam konteks pengiktirafan pengurusan bersama dan hak pengurusan berasaskan komuniti di bawah perundangan negara di kawasan penangkapan perikanan darat dan pantai;

Lindungi hak pegangan secara tradisional/ undang-undang adat, memulihkan hak ini sekiranya ia telah dinafikan, dan memberikan keadilan serta pampasan yang adil kepada komuniti yang terjejas, sekiranya hak ini dibatalkan selepas perundingan yang sewajarnya;

Meningkatkan keselamatan hak pegangan undang-undang adat melalui perundingan dengan komuniti nelayan; di dalam ini konteks kerajaan harus menyediakan peruntukan yang mencukupi untuk melanjutkan sokongan kewangan dalam meningkatkan keselamatan pegangan berkaitan dengan tanah dan kawasan perikanan (laut dan darat);

Memberi ruang kepada wanita untuk mengambil bahagian dalam proses tadbir urus perikanan dan pengurusan bersama, supaya kebimbangan (pandangan) mereka didengari, dan supaya mereka boleh menyumbang secara langsung dalam program pembangunan untuk menangani kekangan yang mereka hadapi;

Mengiktiraf tenaga kerja wanita atas sumbangan penting mereka kepada sektor perikanan. Hasil kerja wanita sering kali tidak kelihatan, dan dilihat menjalankan tugas kekeluargaan tanpa pampasan ekonomi. Namun, penjagaan rumah tangga, kerja tuaian sebelum dan selepas oleh wanita adalah penting dalam pengurusan sektor perikanan;

Memudahcara dan memberi ruang kepada organisasi wanita untuk membina rangkaian di mana wanita boleh membincangkan cabaran-cabaran yang dihadapi, menyokong antara satu sama lain, dan membangunkan kaedah untuk menangani isu yang mereka hadapi;

Bertanggungjawab ke atas rawatan efluen industri, akuakultur dan juga domestik sebelum ia dilepaskan ke laut atau kawasan perikanan darat;

Menyediakan akses yang lebih baik kepada kemudahan perubatan dan penjagaan kesihatan, termasuk untuk merawat penyakit yang disebabkan oleh pendedahan kepada pencemaran industri di kawasan pantai;

Membangun dan memulakan langkah undang-undang untuk melarang atau menghentikan penggunaan peralatan tangkapan yang merosakkan dan amalan menangkap ikan yang memberi kesan negatif ke atas ekuiti dan penggunaan sumber akuatik secara mampan dan biodiversiti. Langkah-langkah mesti diambil untuk mengharamkan pukut tunda secara berperingkat dari perairan dalam negara, kepulauan, wilayah dan zon ekonomi eksklusif, dalam tempoh masa yang munasabah;

Meningkatkan akses kepada sumber perikanan yang mampan bagi nelayan berskala kecil menggunakan peralatan dan amalan menangkap ikan yang tidak merosakkan dan bertanggungjawab, termasuk melalui penyediaan bahan api mampu milik untuk meringankan beban;

Mempertimbangkan peluang mata pencarian alternatif untuk nelayan dan pekerja perikanan berskala kecil semasa musim tertutup;

Tidak menggalakkan penangkapan dan penahanan serta menggalakkan layanan berperikemanusiaan terhadap nelayan berskala kecil yang memasuki perairan negara lain secara tidak sengaja; dalam konteks ini, mewujudkan mekanisme antara kerajaan untuk menangani isu berkaitan pergerakan rentas sempadan bagi vesel-vesel nelayan;

Menyediakan skim insurans kemalangan, kapal dan peralatan, nyawa, bencana alam dan pandemik untuk semua nelayan melalui subsidi kerajaan dan memberi peruntukan elaun bagi musim tertutup tanpa mengira status keahlian mereka dalam koperasi/persatuan nelayan dan memastikan akses tepat pada masanya kepada faedah daripada skim ini semasa kemalangan, sakit atau kematian, atau apabila terdapat kehilangan peralatan atau peluang menangkap ikan secara kekal atau sementara;

Memastikan agensi keselamatan maritim dilengkapi dengan baik untuk meningkatkan kesiapsiagaan menghadapi bencana dan operasi menyelamatkan di laut berikutan peningkatan kejadian ribut, taufan dan laut bergelora;

Membangunkan pangkalan data nelayan dan pekerja perikanan asing dan menghapuskan semua bentuk diskriminasi terhadap mereka termasuk penafian keahlian dalam koperasi dan kesatuan sekerja serta akses kepada skim perlindungan sosial;

Memberikan nelayan dan pekerja perikanan semua faedah perlindungan sosial yang layak diterima oleh pekerja dalam sektor bukan perikanan. Dalam konteks ini, tingkatkan

kesedaran tentang skim perlindungan sosial di pelbagai peringkat yang boleh memanfaatkan komuniti nelayan berskala kecil;

Memastikan lelaki, wanita dan kanak-kanak komuniti nelayan di seluruh negara menikmati akses kepada kemudahan pendidikan yang sama seperti rakyat lain. Pembinaan keupayaan wanita di peringkat komuniti adalah penting. Ini termasuk meningkatkan akses wanita kepada program pendidikan dan latihan, teknologi dan peluang untuk belajar daripada serta bimbingan oleh pemimpin wanita;

Dokumentasikan kesan COVID-19 terhadap sumber pendapatan komuniti nelayan berskala kecil dan keupayaan mereka untuk pulih dan berikan bantuan serta sokongan agar mereka lebih berdaya tahan;

Menyediakan sokongan bajet yang mencukupi terutamanya kepada kerajaan tempatan yang kurang mendapat pembiayaan untuk menambah baik kemudahan sanitasi, pengurusan sisa industri dan domestik untuk melaksanakan langkah kawalan pencemaran yang berkesan;

Meningkatkan akses elektrik kepada komuniti nelayan dan capaian bekalan kuasa untuk perkampungan nelayan yang terpencil melalui mekanisme pengagihan kuasa yang inovatif;

Melindungi kemudahan di peringkat tempatan yang membantu aktiviti sebelum dan selepas penangkapan ikan termasuk pendaratan dan pelepasan vesel nelayan berskala kecil agar tidak digantikan oleh industri pelancongan untuk menubuhkan pusat peranginan dan juga hotel;

Membina keupayaan kerajaan tempatan agar berada di barisan hadapan untuk tujuan pembangunan sosial nelayan dan juga pekerja perikanan berskala kecil;

Memperkuhkan kapasiti nelayan dan pekerja perikanan untuk mengambil bahagian dalam mereka bentuk dasar sosial dan juga skim perlindungan, untuk memantau kualiti perkhidmatan dan melaporkan kepada pihak berkuasa;

Memperkuhkan pendaftaran (tanpa mengira jantina) bagi semua nelayan, pekerja perikanan dan ahli nelayan dan keluarga penternak ikan untuk memberikan keadilan kepada benefisiari dan gambaran yang lebih jelas kepada pihak pemegang taruh perikanan berskala kecil;

Melindungi autonomi pentadbiran perikanan dan menggalakkan mereka untuk menyelaras dengan agensi dalam bidang lain mengenai isu yang tidak berkaitan dengan mereka;

Meningkatkan keselamatan di laut dengan: (i) mengurangkan pencerobohan vesel yang lebih besar ke dalam zon penangkapan ikan yang ditetapkan untuk nelayan berskala kecil; (ii) menyediakan latihan keselamatan di laut bagi nelayan berskala kecil; (iii) menguatkuasakan undang-undang mewajibkan peralatan menyelamatkan nyawa ke atas semua vesel nelayan berskala kecil memandangkan lebih banyak ketidaktentuan dan ketidakpastian di laut akibat perubahan iklim dan kejadian cuaca ekstrem dengan mengintegrasikan bersama proses pendaftaran semua vesel penangkap ikan;

Pada Tahun Antarabangsa Perikanan Artisanal dan Akuakultur (IYFAFA 2022) ini, kami menyedari bahawa pelaksanaan Garis Panduan SSF melalui pendekatan berasaskan hak asasi manusia boleh membantu kerajaan di pelbagai peringkat di Selatan dan Asia Tenggara untuk menangani kebimbangan kami dan juga menerima cadangan kami.

Dengan melaksanakan Garis Panduan SSF, kami percaya, boleh menggalakkan keadilan dan layanan adil terhadap kaum lelaki dan wanita, melindungi hak pegangan komuniti nelayan berskala kecil dan mempromosikan rejim pengurusan yang partisipatif dan berkesan, termasuk juga pencapaian pembangunan sosial kanak-kanak, belia, lelaki dan wanita komuniti nelayan serta Orang Asal di kawasan pantai dan riparian.